

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/L PATTO
(BATU KAWAN)**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/l Patto [Batu Kawan] minta **Perdana Menteri** menyatakan sama ada jika Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) akan digantikan oleh Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) memandangkan Akta Hasutan dan Akta Pencegahan Keganasan telah diluluskan secara terburu di Dewan Rakyat baru-baru ini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Pada ketika ini Kerajaan tidak bercadang untuk menggantikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dengan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC).

Kerajaan berpandangan, melihat kepada ruang lingkup, fungsi dan kuasa yang diperuntukkan oleh Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*], EAIC sewajarnya layak untuk diiktiraf sebagai sebuah badan bebas yang hanya melaporkan kepada Parlimen dengan kuasa-kuasa statutori bagi menyiasat dan mengemukakan apa-apa syor yang bersesuaian terhadap pegawai penguat kuasa serta agensi penguatkuasaan ke atas perlakuan-perlakuan salah laku. Ia adalah satu mandat yang lebih besar daripada yang dicadangkan oleh Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis DiRaja Malaysia dan ia dilihat lebih menyeluruh daripada cadangan asal penubuhan IPCMC itu sendiri.

Kerajaan juga berpandangan adalah tidak wajar untuk menghadkan tindakan membanteras salah laku melalui peruntukan statutori hanya kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sahaja. Kerajaan berpendapat tindakan untuk membanteras salah laku seharusnya merangkumi semua agensi penguatkuasaan di Malaysia kerana bukan hanya PDRM sahaja yang menjalankan penguatkuasaan undang-undang di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] telah memberikan hak statutori kepada orang awam untuk membuat aduan mengenai salah laku terhadap 21 agensi penguatkuasaan di Malaysia. Oleh yang demikian, adalah tidak adil untuk Kerajaan menarik balik semula hak statutori tersebut dengan menghadkan hak orang awam membuat aduan salah laku hanya terhadap PDRM.

Selanjutnya, Kerajaan juga berpendapat tiada keperluan untuk ditubuhkan satu badan yang berasingan dari EAIC kerana tugas-tugas tersebut boleh diserap dan dikendalikan oleh EAIC yang mana ahli-ahli Pesuruhjaya EAIC adalah dilantik oleh Yang diPertuan Agong dari kalangan individu professional yang berpengalaman luas dalam pelbagai bidang disiplin. Struktur kerangka organisasi EAIC yang telah sedia ada boleh diperkemaskan lagi bagi mengambil tanggungjawab yang lebih besar, jika diperlukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN : 48

TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua skim perumahan yang telah dan akan diusahakan oleh Felda Global Ventures (FGV) atau Felda setakat Mac 2015 dengan memperincikan jumlah unit, lokasi perumahan, harga jualan dan kontraktor dilantik bagi setiap projek perumahan.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim perumahan dilaksanakan oleh FELDA sahaja dan tidak melibatkan FGV. FELDA sentiasa berusaha dalam membantu generasi FELDA untuk mendapatkan rumah mampu milik yang selesa dan sempurna. Bagi merealisasikan perkara ini, beberapa skim projek perumahan telahpun dilaksanakan seperti projek Perumahan Warga FELDA (PWF), Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) dan Program Sentuhan Kasih FELDA.

Sehingga Mac 2015, FELDA telah pun melaksanakan skim projek perumahan di seluruh negara seperti berikut:-

i) Perumahan Warga FELDA (PWF)

BIL	NAMA PROJEK PWF (LOKASI)	UNIT		KONTRAKTOR
		RKR	RKSR	
1	Taman Mempaga Utama, Bentong	161	47	JENTAYU PADU SDN BHD
2	Taman Bukit Goh Perdana, Kuantan	338	139	MMN BINA SDN BHD
3	Taman Lepar Hilir Saujana, Gambang	192	58	KEJURUTERAAN SEBERKAS SDN BHD
4	Desa Keratong Indah, Rompin	214	208	MMN BINA SDN BHD
5	Desa Semarak, Rompin	125	0	JENTAYU PADU SDN BHD
6	Taman Pasak Indah, Kota Tinggi	400	339	GEMULA SDN BHD
7	Lamanda Permai,	169	126	KEJURUTERAAN SEBERKAS SDN BHD
8	Lamanda Siantan	184	80	NILAIBINA SDN BHD
9	Lamanda Sentosa, Pekan	216	101	ING SHAPAN SDN BHD
10	Neram 1, Kemaman	79	26	KHASAL JAYA SDN BHD
11	Chuping, Perlis	158	66	GEMA KUKUH SDN BHD
JUMLAH =		3,426		

Kadar harga adalah seperti berikut:

Rumah Kos Rendah (RKR) = RM42,000

Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR) = RM92,000

ii) Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF)

BIL	LOKASI	DAERAH	UNIT	KONTRAKTOR
1	Padang Piol	Jerantut	26	LSAB IBS SDN BHD
2	Sg. Retang	Jerantut	400	
3	Chalok Barat	Setiu	200	
4	Bukit Jalor	Tampin	239	
5	Papan Timur	Kota Tinggi	539	
6	Chini 3	Pekan	100	
7	Bukit Rokan Utara	Tampin	300	
8	Maokil 1 & 2	Muar	540	
9	Jengka 1, Jengka 2, Jengka 11, Kota Gelanggi 2	Maran	576	IHS UTARA SDN BHD
10	S.Koyan	Lipis	240	SP JUTAJAYA SDN BHD
11	Selancar 4/5, Selendang 2, Keratong 4	Rompin	1,104	ISMAFINE SDN BHD
12	Kerteh 1, Seberang Tayor	Kemaman	708	PEMBINAAN NKZ SDN BHD
13	Pasoh 1, Pasir Besar	Jelevu Tampin	264	TANY SERVICES SDN BHD
14	Gunung Besout 1-4	Tapah	420	SERI BUMI MAKMUR SDN BHD
15	Sg.Sibol	Kota Tinggi	360	PERNIAGAAN MUHAR SDN BHD
16	Jengka 12	Maran	50	CAHAYA PASIFIK SDN BHD
17	Jengka 6	Maran	100	KARIB SERASI (M) SDN BHD

BIL	LOKASI	DAERAH	UNIT	KONTRAKTOR
18	Bukit Tajau	Maran	100	KASYAF BINA SDN BHD
19	Bukit Sagu	Kuantan	300	EXPERTISE INTERNATIONAL A & I SDN BHD
20	Sg.Tiang	Pendang	80	AMZA BINA SDN BHD
21	Palong 8/9	Jempol	300	PROVEN CONSTRUCTION AND DEVELOPMENT SDN BHD
22	Palong 12	Jempol	150	ENHANCE FOREVER SDN BHD
23	Pemanis 1	Segamat	150	AEC PROJECT MANAGEMENT SDN BHD
24	Laka Selatan	Kubang Pasu	300	SYARIKAT RAHAS TWO SDN BHD
25	Kerteh 5	Kemaman	300	EQUALTRA (M) SDN BHD
26	Palong 16	Jempol	300	GANDINGAN MUTIARA SDN BHD
27	Pasak	Kota Tinggi	200	HFM DAYA BINA SDN BHD
28	Bukit Aping Timur	Kota Tinggi	200	PRIHATIN BINAAN SDN BHD
29	Chiku 5	Gua Musang	300	MESRA BUDI SDN BHD
30	Sg. Tekam	Jerantut	100	KS CORP SDN BHD
31	Kg. Awah	Maran	60	CHENDOR CHUKAI TRADING (M) SDN BHD
32	Keratong 7	Rompin	400	ALOR SETAR SAUJANA SDN BHD
33	Pasoh 2 & 3	Jempol	220	MBN CONSORTIUM SDN BHD
34	Lasah	Sg Siput	100	ASR PADU SDN BHD
35	Inas Utara	Kulai	200	SR BUILDSCAPE SDN BHD
JUMLAH =			9,926	

Kadar harga rumah PGBF ini seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri ditawarkan pada harga RM90,000 untuk pembelian secara jual beli. Kerajaan juga akan menyediakan skim sewa dan beli rumah tersebut selama 5 tahun dengan kadar yang munasabah serta tawaran pembelian dibuat selepas itu tertakluk kepada syarat-syarat dan perjanjian kedua-dua pihak.

iii) Program Sentuhan Kasih FELDA

BIL	LOKASI	UNIT	KONTRAKTOR
1	FELDA Tenggaroh 3, Mersing	100	IRIS KOTO SDN BHD
2	FELDA Chini Timur 2, Pekan	100	
3	FELDA Palong 16, Jempol	100	
4	FELDA Laka Selatan, Changlun	100	
JUMLAH =		400	

Kadar harga rumah Sentuhan Kasih FELDA adalah di antara RM80,000 – RM90,000 seunit bergantung kepada keluasan tanah. Peserta program akan mengikuti aktiviti sampingan iaitu projek pertanian moden bagi menambahkan pendapatan serta memberi pulangan semula kepada FELDA. Sekian, terima kasih.